

28/05/1999

Sistem pembiayaan R&D diubah

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan akan mengubah sistem kelulusan dan pembiayaan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam usaha menggalak dan memajukan kegiatan itu di negara ini.

Perubahan itu membabitkan kaedah penilaian cadangan penyelidikan yang dikemukakan institusi penyelidikan awam dan universiti tempatan serta cara pembahagian peruntukan, khususnya melalui program Penumpuan Penyelidikan dalam Bidang Keutamaan (Irpa).

Mengumumkan perkara itu selepas majlis dialog dengan institusi penyelidikan awam dan universiti tempatan di sini hari ini, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata keputusan itu diambil bagi meningkatkan kegiatan R&D di kalangan penyelidik tempatan.

Menurutnya, langkah itu juga ekoran teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kelembapan kegiatan R&D di negara ini, selain permintaan institusi penyelidikan awam dan universiti tempatan yang mahukan sistem pembiayaan R&D dilaksanakan secara lebih adil dan berkesan.

"Institusi penyelidikan awam dan universiti tempatan menyuarakan rasa tidak puas hati dengan sistem sedia ada. Mereka mahukan pembahagian peruntukan yang lebih adil dan sekata.

"Untuk itu, selain mengkaji aspek yang perlu diperbaiki, kita juga meminta sektor terbabit supaya mengemukakan cadangan kepada kementerian berhubung perkara ini," katanya.

Bulan lalu, Dr Mahathir melahirkan rasa kesal kerana program R&D dalam bidang mekanikal, elektrik, elektronik, perubatan dan banyak lagi bidang lain di negara ini, amat berkurangan.

Perdana Menteri turut kecewa kerana peruntukan R&D daripada kerajaan kerap tidak digunakan kerana tiada projek yang diusahakan oleh institusi penyelidikan.

Terdahulu, Law mengadakan sesi dialog dengan Ketua Pegawai Eksekutif/Penyelaras Program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), institusi penyelidikan awam dan universiti tempatan.

Pertemuan itu adalah sebahagian proses kajian semula program R&D negara khususnya ke arah mewujudkan program penyelidikan yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

(END)